

LATIHAN KETENTERAAN CAWANG KEJURUTERAAN PANGKALAN UDARA BUTTERWORTH

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2201-latihan-ketenteraan-cawang-kejuruteraan-pangkalan-udara-butterworth-2

BUTTERWORTH, 3 Ogos 17 – Cawang Kejuruteraan Pangkalan Udara Butterworth telah melaksanakan satu aktiviti Latihan ketenteraan iaitu mendaki Gunung Jerai bersama Jalur Gemilang dengan melibatkan semua pegawai dan anggota Cawang Kejuruteraan. Aktiviti ini juga adalah salah satu daripada aktiviti pangkalan bersempena menyambut bulan kemerdekaan di samping bertujuan untuk meningkatkan ketahanan fizikal dan mental serta menerapkan semangat kemerdekaan di kalangan pegawai dan anggota.



